

03/12/1997

Lombong terbiar dimajukan

BEKAS tanah lombong terbiar Malaysia Wetlands Sanctuary di Kuala Langat akan dimajukan sebagai kawasan pembangunan bercampur yang menggabungkan pembinaan infrastuktur dan bangunan dengan perlindungan serta pemuliharaan hutan dan hidupan liar.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata kawasan yang mengalami gangguan teruk akan dihidupkan manakala tebing kolam dan tasik distabilkan.

Selain itu, katanya, beberapa projek pembinaan infrastruktur dan bangunan akan dilaksanakan seperti pusat pelancongan, pusat pendidikan peringkat tinggi, 'water center' dan menara burung.

Menurutnya, kawasan yang diganggu pula akan dipelihara dan kerja penanaman semula akan dijalankan manakala kawasan hutan paya gambut yang tidak diganggu akan dipelihara daripada gangguan yang boleh merosakkan sumber semulajadi.

"Kawasan terbabit tidak mempunyai penduduk dan ia adalah tanah bekas lombong serta sedikit kawasan hutan paya gambut," katanya ketika menjawab pertanyaan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ei Kim Hock (BN-Teluk Datuk) di sidang Dewan Undangan Negeri Selangor ke-9 di sini, semalam.

Terdahulu Ei bertanya mengenai tanah seluas 400 hektar di Kuala Langat yang dikenal pasti untuk projek Wetland serta bentuk pembangunan yang akan dilaksanakan ke atas tanah itu.

Mengenai kesan persekitaran setelah kawasan itu diperkenalkan dengan konsep Wetlands, Abu Hassan berkata, projek berkenaan menjadikan Wetlands Sanctuary sebagai tempat persinggahan burung berhijrah dan burung tempatan yang secara tidak langsung meningkatkan biodiversiti kawasan itu.

"Kawasan ini juga akan menjadi habitat hidupan liar yang kian terancam akibat pemusnahan habitat dan berfungsi sebagai kawasan hijau di kawasan yang mengalami pembangunan pesat," katanya.

Di sidang itu juga, Abu Hassan membuat penjelasan terhadap pertanyaan pembangkang mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London selepas mengambilalih pentadbiran Selangor serta perlantikan Pemangku Raja Selangor di Orlando, Amerika Syarikat.

Menurutnya, sudah menjadi protokol masyarakat Malaysia untuk melaporkan kepada pemimpin negara selepas menubuhkan kerajaan.

"Kebetulan Perdana Menteri sedang bercuti di London dan saya yang baru mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor juga mengambil cuti untuk menghadiri konvokesyen anak saya di London.

"Saya menggunakan duit sendiri untuk bercuti dan tidak menggunakan duit kerajaan," katanya.

Mengenai perlantikan Raja Muda, Tengku Idris Shah sebagai Pemangku Raja, Abu Hassan berkata, Sultan Selangor berangkat ke Amerika Syarikat untuk menjalani rawatan pada 16 September dan tidak melantik Pemangku Raja kerana Sultan Selangor tidak bercadang berada di sana lebih daripada 30 hari.

(END)